

Kesepakatan ahli BN di Batu Talam tinggi – Nazri

um- 9/1/2007

KUALA TERENGGANU 8 Jan. - Kekuatan dan kesepakatan ahli-ahli Barisan Nasional (BN) di kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Talam kini di tahap tertinggi sekali gus meyakinkan parti itu dapat mempertahankan kerusi tersebut pada pilihan raya kecil 28 Januari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, beliau dimaklumkan bahawa parti itu kini berada di dalam keadaan cukup selesa kerana tidak berlaku isu perebutan untuk menjadi calon.

"Saya juga memantau ahli di situ dan saya tidak dengar ada cerita mengenai perebutan sengit untuk menjadi calon.

"Saya difahamkan mereka (ahli) sepakat dan menerima keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan khususnya Presiden parti," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat situasi banjir di Terengganu daripada Pengarah Bahagian Keselamatan Negeri, Zamakhshari Hanipah di Wisma Seri Amar di sini, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO tidak nampak akan berlaku kempen yang sengit di kalangan parti bertanding kerana di peringkat nasional, tiada isu besar yang boleh dibangkitkan oleh pembangkang.

Selain itu, katanya, Batu Talam secara tradisinya adalah kerusi UMNO yang kuat dan kelihatan sukar untuk ditembusi pembangkang.

"Ini kerusi luar bandar, selalunya apa yang menjadi perbincangan hangat ialah isu-isu tempatan.

"Dari segi pembangunan di Batu Talam, ia mengikut kesesuaian penduduk dan mencukupi, jadi tidak berbangkit isu-isu besar yang boleh menjejaskan BN," ujarnya.

Mengenai kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa parti itu belum membuat keputusan untuk bertanding kerana perlu mengambil kira faktor kewangan, Nazri berkata, UMNO tetap akan membuat persiapan menghadapi pilihan raya kecil berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, mengenali Pas, beliau yakin parti itu tetap akan meletakkan calon di situ untuk menghalang laluan mudah UMNO.

"Saya jangka Pas letak calon juga. Jika Pas letak calon pun, hanya sebagai tidak membenarkan laluan mudah untuk BN. Saya kenal Pas sudah lama, macam mana pun, mereka akan kacau, akan letak calon," ujarnya lagi.